

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS PENTAU LIAHAN KADET KOR
SUKARELA WAN SISWA SISWI UniMAP
7 OKTOBER 2011, DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu

Yang Dihormati, SAC Zull Aznam Haron, Ketua Polis Perlis dan Isteri

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Komandan Kor Suksis UniMAP merangkap Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UniMAP)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP,

Penolong-Penolong Naib Canselor, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Dif-Dif Kehormat, Pegawai-pegawai Kanan Polis Di Raja Malaysia,
Pegawai-pegawai Kanan Kor SUKSIS UniMAP,

Jurulatih SUKSIS UniMAP, Pelatih-pelatih dan anggota SUKSIS,
wakil-wakil media seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati
Allah sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair.

**Ke Pekan Kuala membeli bingka,
Sayang pesanan terlupa sudah;
Majlis bermula tirai dibuka,
Dengan alunan madah yang indah.**

Terlebih dahulu syukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin
dan inayahnya dapat kita bersama pada malam ini – malam
bersejarah buat Pelatih Kor Suksis UniMAP yang akan ditauliahkan
sebentar lagi.

Alhamdulillah, dengan izinNya juga, pentauliahan pada malam ini
bakal menyaksikan skuad tahun 2008 yakni skuad keduang bakal
ditauliahkan selepas ditubuhkan pada tahun 2007 yang lalu.
Tahniah dan syabas. Semoga dengan pentauliahan ini akan

menjadikan anda individu yang lebih berdisiplin dan patuh pada undang-undang negara.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Dihormati Ketua Polis Perlis, SAC Zul Aznam dan keseluruhan pegawai kanan PDRM yang sudi melapangkan masa hadir memeriahkan majlis pada malam ini. Pastinya kehadiran dan kesudian tuan hadir pada malam ini akan menjadi momen kenangan terindah buat pelatih-pelatih Kor Suksis UniMAP. Dan semoga dengan amanat yang bakal tuan sampaikan sebentar lagi akan terpahat kemas di minda pelatih Kor SUKSIS UniMAP. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Izinkan saya mengimbau sedikit sejarah penubuhan Kor SUKSIS di UniMAP. UniMAP telah mendapat kelulusan penubuhan Kor SUKSIS daripada Yang Dihormati Tan Sri Musa Hassan, Ketua Polis Negara pada 17 Julai 2006. Lanjutan daripada kelulusan tersebut, UniMAP telah mengadakan mesyuarat kali pertama bersama PDRM pada 8 Mac 2007 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg.Prof Dr. Ali Yeon Md Shakaff (pada ketika itu menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa) dan Supritendan Zainal Rashid Bin Adnan mewakili PDRM.

Teruja dengan penubuhan Kor SUKSIS ini, UniMAP mengambil langkah proaktif dengan membuat perancangan dan persiapan fizikal mulai awal April 2007 di Blok 10 dan 12, Kolej Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu disusuli dengan taklimat pengenalan oleh pegawai – pegawai PDRM kepada pelajar baru sidang Akademik 2007 / 2008. Hasil daripada taklimat dan temuduga yang dijalankan, skuad pertama Kor SUKSIS berjaya ditubuhkan dengan anggota seramai 63 orang pelajar dengan kekuatan 2 platur yang terdiri daripada 44 lelaki dan 21 perempuan.

Dan, bagi memudahkan urusan pentadbiran Kor SUKSIS di UniMAP, seramai 10 anggota PDRM telah ditempatkan di Pejabat Kor SUKSIS UniMAP untuk melatih para pelajar. PDRM juga telah melantik seramai empat orang kakitangan di kalangan akademik dan pentadbiran untuk menjalankan perancangan Kor SUKSIS.

Sejarah awal SUKSIS ini membuktikan betapa komitednya PDRM membantu dan membimbing UniMAP untuk memastikan skuad pertama SUKSIS UniMAP berjaya mencapai matlamat yang diharapkan. Dan Alhamdulillah, sehingga kini, 181 pelajar telah menyertai Kor SUKSIS UniMAP iaitu 72 lelaki dan 109 anggota wanita. Kami di UniMAP berasa amat berbangga kerana mampu melahirkan modal intelektual yang bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam bidang kejuruteraan malah turut diterapkan dengan ilmu kepolisan melalui Kor SUKSIS ini. Semoga semua pelatih-pelatih dihadapan saya ini akan memanfaatkan sebaik

mungkin ilmu yang dimiliki meskipun telah meninggalkan universiti ini. Saya pasti ilmu ini boleh anda praktikkan di alam pekerjaan kelak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP sentiasa memberi penekanan terhadap pembentukan modal insan yang seimbang dan holistik terutama di kalangan pelajar. Ianya bertujuan untuk memastikan mereka benar-benar menjadi modal intelektual bermentaliti kelas pertama dengan memiliki ciri-ciri progresif, mengutamakan nilai etika dan bermoral tinggi.

Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya yakin dan percaya penerapan nilai ilmu dalam bidang ketenteraan dan kepolisan ini akan melatih dan mendidik pelajar menjadi lebih berdisiplin. Sebagai contoh – saya sendiri telah menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) semenjak di universiti lagi dan terus aktif sehingga ke hari ini. Latar belakang yang kukuh dalam bidang ketenteraan ini mendidik saya menjadi seorang yang berani dalam menghadapi sebarang cabaran serta menepati masa. Dan inilah sebenarnya harapan saya terhadap pelatih-pelatih sekalian.

Alhamdulillah, saya lihat ianya telah menampakkan hasil yang membanggakan. Sebagai skuad kedua Kor SUKSIS UniMAP yang diterajui oleh Komandan, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, saya

merasa bangga kerana anda telah mencerahkan khidmat bakti yang tidak berbelah bahagi untuk membantu UniMAP dan masyarakat keseluruhannya melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

Selain terlibat membantu dalam tugas pendaftaran pelajar baru setiap tahun, pasukan ini juga turut membantu pengawasan aspek keselamatan pada Istiadat Konvokesyen UniMAP serta majlis-majlis dan acara rasmi UniMAP lainnya.

Dalam menyumbang kepada masyarakat pula, pasukan Kor SUKSIS UniMAP turut menggunakan segala ilmu yang dipelajari dalam menjayakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti Program Baktasiswa, gotong royong dan khidmat masyarakat di rumah orang-orang tua dan anak yatim.

Bagi saya, pengalaman yang anda lalui ini merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dikecapi oleh semua orang kecuali kepada mereka yang cekal, tekad dan kuat. Pelbagai pengalaman yang diperolehi samada dari segi kepolisan atau kepimpinan, diharap mampu memantapkan kecerdasan minda, fizikal, rohani serta jasmani anda semua.

Dan atas sebab itulah jua, UniMAP akan terus komited untuk menambah bilangan keanggotaan mahasiswa dalam Kor suksis UniMAP pada masa hadapan untuk membantu negara menangani

jenayah yang mungkin berlaku demi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara.

Sebelum mengakhiri ucapan izini saya menyampaikan serangkap pantun :

**Asap api embun berderai,
Ayam kuning ekornya lebat,
Ilmu kepolisan telah disemai,
Jadikan pegangan ke akhir hayat.**

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi WabaraktuH.